



Oleh : Nurul Aida Othman

Jabatan Keselamatan telah ditubuhkan pada 25 Julai 2001 selaras dengan penubuhan UniMAP (dahulu dikenali dengan KUKUM). Semasa awal penubuhannya, Jabatan ini di ketuai oleh seorang penyelaras dan 7 orang anggota bagi menjalankan perkhidmatan kawalan keselamatan 24 Jam (Security). Pembangunan pesat kampus UniMAP di seluruh negeri Perlis dengan berkonseptkan 'Kampus Teragih' (Distributed Campus) memerlukan penambahan kawalan sekali gus berlakunya pertambahan anggota keselamatan yang kini berjumlah 58 orang.

Jabatan Keselamatan telah melepas fasa 1 pengemaskinian dan penstrukturkan semula organisasi ini dimana perubahan kepada Pasukan Polis Bantuan. Sehingga Januari 2018, berikut adalah keanggotaan Jabatan Keselamatan :

	Jawatan	Gred	Keanggotaan
1	Pengarah	Terbuka	1
2	Penolong Pendaftar Kanan	N44	1
3	Pegawai Keselamatan	KP41	1
4	Penolong Pegawai Keselamatan	KP29	1
5	Setiausaha Pejabat	N29	1
6	Pembantu Keselamatan	KP19	1
7	Pembantu Tadbir (P/O)	N19	3
8	Pengawal Keselamatan Kanan	KP14	3
9	Pembantu Operasi	N11	1
10	Pengawal Keselamatan	KP11	52

Jabatan ini dibahagikan kepada 2 bahagian (tidak termasuk Pengarah), iaitu

\* Bahagian Pentadbiran : 6 orang

\* Bahagian Operasi : 58 orang

Untuk rekod, seramai 10 orang pegawai dan anggota telah mengikuti Kursus Asas Polis Bantuan. Jabatan ini juga dibantu oleh perkhidmatan kawalan keselamatan swasta yang dianggotai seramai 86 orang.



#### FUNGSI UTAMA JABATAN

- 1 Menguruskan secara pentadbiran operasi keselamatan
- 2 Bertanggungjawab ke atas semua aspek keselamatan secara menyeluruh kepada warga dan harta benda UniMAP.
- 3 Mengawal akses keluar/masuk kampus melalui pos – pos keselamatan yang terdapat di pejabat, Kampus dan Kolej Kediaman.
- 4 Menguatkuasakan Peraturan Tata tertib dan Perundangan Pelajar.
- 5 Menguatkuasa kawalan lalulintas dan pergerakan kenderaan keluar/masuk kampus atau premis UniMAP
- 6 Menyediakan perkhidmatan menjual pelekat kenderaan untuk pelajar, staf dan pelawat
- 7 Menyediakan perkhidmatan keselamatan sebelum, semasa dan selepas acara/aktiviti universiti
- 8 Menjalankan siasatan awal dan meyalurkan maklumat kepada pengurusan tertinggi UniMAP berkaitan sebarang kes – kes kejadian yang berlaku melibatkan pelajar dan staf
- 9 Menjaga kebajikan staf Jabatan keselamatan sepanjang perkhidmatan dalam Jabatan Keselamatan.

#### PIAGAM PELANGGAN JABATAN KESELAMATAN

- Panggilan diterima di bilik gerakai diangkat sebelum deringan ketiga
- Anggota tiba dilokasi 30 minit selepas aduan/laporan kes diterima bagi menjalankan siasatan awal
- Memberi layanan mesra, jujur, ikhlas dan bertanggungjawab.
- Memberi maklumat yang berkaitan dengan jelas dan tepat.
- Memastikan persekitaran bersih, kondукif, selesa dan selamat;
- Memberi perkhidmatan terbaik kepada warga UniMAP.

#### OBJEKTIF JABATAN KESELAMATAN

Mewujudkan suasana Kampus yang aman, harmoni, ideal dan selamat kepada semua kakitangan dan para pelajar dari ancaman keselamatan diri, nyawa, harta benda serta kepentingan-kepentingan Universiti keseluruhannya.

#### MISI

Memberi perkhidmatan secara profesional berteraskan pengetahuan dan aplikasi undang-undang bagi menjamin keharmonian masyarakat kampus

#### VISI

Peneraju Keharmonian Kampus

**Sebarang pertanyaan, sila hubungi:**

JABATAN KESELAMATAN UniMAP  
NO. 25 JALAN MERANTI PAYA  
OFF JALAN BUKIT LAGI  
01000 KANGAR, PERLIS  
NO. TEL: 04-9798181 / 04-9798571  
NO. FAKS: 04-9798183

EMEL: [jabatankeselamatan@unimap.edu.my](mailto:jabatankeselamatan@unimap.edu.my)

